



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 64
No. 15

16hb Julai 2020

*TAMBAHAN No. 12
PERUNDANGAN*

M. P.U. 18.

ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM (MELAKA) 2002

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH
AGAMA ISLAM (PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU)
NEGERI MELAKA 2020

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemakaian

BAHAGIAN II
PENUBUHAN PERSATUAN

Peraturan

4. Penubuhan Persatuan
5. Tujuan Persatuan
6. Fungsi Persatuan
7. Prosedur pendaftaran
8. Perakuan pendaftaran
9. Keahlian Persatuan
10. Had bilangan keahlian Persatuan selain daripada Ibu Bapa dan Guru

BAHAGIAN III
PENUBUHAN JAWATANKUASA

11. Penubuhan Jawatankuasa
12. Pelantikan ahli Jawatankuasa
13. Asas-asas pelantikan
14. Keahlian Jawatankuasa
15. Pemakluman ahli Jawatankuasa
16. Fungsi Jawatankuasa
17. Fungsi lain-lain jawatan
18. Pelantikan Setiausaha dan Bendahari
19. Pelantikan wakil kariah
20. Peranan Guru Besar atau Pengetua sebagai Penasihat Persatuan
21. Pelantikan ahli Jawatankuasa yang bukan ahli Persatuan
22. Pelantikan ahli Jawatankuasa sekiranya berlaku kekosongan
23. Pemakluman ahli Jawatankuasa
24. Penamatan ahli Jawatankuasa

BAHAGIAN IV
PERATURAN AM MESYUARAT

25. Tempat mesyuarat
26. Waktu mesyuarat
27. Kuorum mesyuarat

Peraturan

28. Mesyuarat Jawatankuasa
29. Mesyuarat Agung Tahunan
30. Mesyuarat Agung Tergempar
31. Laporan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Tergempar

BAHAGIAN V

PERATURAN KEWANGAN PERSATUAN

32. Punca-punca pendapatan
33. Pembukaan akaun
34. Tempoh pengkreditan wang diterima
35. Penyimpanan wang tunai oleh Bendahari
36. Perbelanjaan wang Persatuan
37. Kuasa menandatangani cek
38. Penyelenggaraan akaun
39. Tahun kewangan
40. Pembentangan Penyata Kira-kira Kewangan
41. Pihak berautoriti memeriksa akaun
42. Peraturan aset Persatuan

BAHAGIAN VI

PINDAAN PERATURAN, BATASAN DAN PEMBUBARAN PERSATUAN

43. Pindaan Peraturan
44. Kuat kuasa pindaan Peraturan
45. Batasan Persatuan
46. Kekeliruan dan pertikaian
47. Pembubaran Persatuan
48. Pemulangan Sijil Pendaftaran
49. Kuasa Majlis

SENARAI BORANG

BORANG 1

BORANG 2

BORANG 3

ENAKMEN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(MELAKA) 2002

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU) NEGERI MELAKA 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 38 Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 [*Enakmen No. 3 tahun 2002*], Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Majlis Agama Islam Melaka, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Persatuan Ibu Bapa dan Guru) Negeri Melaka 2020**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

“Enakmen” ertinya Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 [*Enakmen 3 Tahun 2002*];

“Jabatan” ertinya Jabatan Agama Islam Melaka;

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah peraturan 11;

“Komuniti Kampung” ertinya apa-apa Institusi yang ditubuhkan oleh kementerian yang bertanggungjawab terhadap pembangunan luar bandar bagi mengurus pembangunan dan pengurusan kampung;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Melaka yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen 7 Tahun 2002*];

“Pegawai Masjid” ertinya Iman, Bilal dan Pembantu Bilal yang dilantik oleh Majlis di bawah seksyen 88 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 [*Enakmen 7 Tahun 2002*];

“Pendaftar” ertinya Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3 Enakmen;

“Pengaroh” ertinya Pengarah Jabatan Agama Islam Melaka;

“Penolong Pendaftar” ertinya Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 3 Enakmen;

“Persatuan” ertinya Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah-Sekolah Agama Islam yang ditubuhkan di bawah peraturan 4;

“sekolah” ertinya Sekolah Menengah Agama, Sekolah Rendah Agama, Sekolah Menengah Tahfiz dan Tadika di bawah pentadbiran Jabatan Agama Islam Melaka.

Pemakaian

3. Peraturan-peraturan ini hendaklah terpakai bagi Sekolah Menengah Agama, Sekolah Rendah Agama, Sekolah Menengah Tahfiz dan Tadika di bawah pentadbiran Jabatan.

BAHAGIAN II

TUJUAN-TUJUAN DAN FUNGSI

Penubuhan Persatuan

4. Maka hendaklah ditubuhkan dalam tiap-tiap sekolah suatu Persatuan yang akan dinamakan sebagai “Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah-Sekolah Agama Islam Jabatan Agama Islam Melaka”.

Tujuan-tujuan Persatuan

5. Tujuan Persatuan ialah—

- (a) membantu Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Melaka mengurus sekolah selari dengan keperluan menurut Enakmen;
- (b) bersama-sama bertanggungjawab membantu pengurusan sekolah bagi menyelenggarakan dengan sempurna semua harta, bangunan dan kawasan sekolah serta kewangan Persatuan; dan
- (c) menubuhkan dan mentadbir suatu kumpulan wang yang dikenali sebagai “Akaun” untuk kebajikan dan pembangunan sekolah.

Fungsi Persatuan

6. Fungsi Persatuan ialah—

- (a) membantu dalam memajukan perkembangan murid dan menjaga kebajikan murid;

- (b) menambah sumber kewangan sekolah bagi menambah dan meningkatkan kemudahan di sekolah;
- (c) meningkatkan kemesraan dan menyediakan saluran komunikasi dan hubungan antara sekolah dengan masyarakat setempat;
- (d) meningkatkan keceriaan premis sekolah supaya dapat mewujudkan suasana yang kondusif bagi menjayakan aktiviti dan program Pendidikan;
- (e) membolehkan Ibu Bapa dan guru bertukar-tukar fikiran dan maklumat mengenai pendidikan;
- (f) memberi peluang kepada Ibu Bapa dan guru berunding antara satu sama lain dengan cara memperbaiki taraf pendidikan anak-anak mereka pada amnya;
- (g) membolehkan Ibu Bapa dan guru untuk berusaha menambah kewangan sekolah dan meningkatkan kemudahan fizikal bagi tujuan meningkatkan kemudahan pengajaran dan pembelajaran dengan kelulusan pihak berkuasa; dan
- (h) untuk mengadakan sesuatu forum dan perkhidmatan bagi kebajikan dan kemajuan murid-murid dalam meningkatkan imej sekolah.

Prosedur pendaftaran

7. Jawatankuasa hendaklah mengemukakan borang permohonan pendaftaran Persatuan kepada Pendaftar untuk didaftarkan dengan menggunakan Borang 1.

Perakuan pendaftaran Persatuan

8. Pendaftar hendaklah mengeluarkan perakuan Pendaftaran Persatuan yang ditubuhkan sebagaimana yang terkandung dalam Borang 2.

Keahlian Persatuan

9. Ahli Persatuan terdiri daripada—

- (a) semua guru di sekolah;
- (b) Ibu Bapa kepada murid yang belajar dalam sekolah; dan
- (c) warganegara Malaysia yang diluluskan permohonan untuk menjadi ahli Persatuan oleh Pendaftar dengan menggunakan Borang 3.

Had bilangan keahlian Persatuan selain daripada Ibu Bapa dan guru

10. Bilangan Ahli Persatuan bukan guru yang tidak mempunyai anak di sekolah itu hendaklah tidak melebihi $\frac{1}{5}$ daripada keseluruhan bilangan Ahli Persatuan berkenaan.

BAHAGIAN III**PENUBUHAN JAWATANKUASA****Penubuhan Jawatankuasa**

11. Persatuan hendaklah diuruskan oleh suatu Jawatankuasa yang dikenali sebagai “Jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah-sekolah Agama Islam Jabatan Agama Islam Melaka”.

Pelantikan ahli Jawatankuasa

12. Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh ahli Persatuan melalui undian pada setiap 2 tahun dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

Asas-asas pelantikan

13. Asas-asas pelantikan di bawah peraturan 12 adalah diasaskan kepada kelayakan-kelayakan berikut—

- (a) hendaklah terdiri daripada lapisan orang-orang Islam yang bermastautin di dalam qariah sekolah berkenaan;
- (b) hendaklah terdiri daripada orang-orang yang tidak pernah didapati bersalah kerana sesuatu kesalahan jenayah;
- (c) berkebolehan mengurus dan mentadbir;
- (d) orang yang dihormati dan disegani oleh masyarakat Islam setempat; dan
- (e) warganegara Malaysia sahaja.

Keahlian Jawatankuasa

14. Keahlian Jawatankuasa adalah seperti berikut—

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Naib Pengerusi;
- (c) seorang Setiausaha;

- (d) seorang Bendahari;
- (e) wakil kariah iaitu wakil tetap bagi setiap satu di bawah—
 - (i) seorang wakil Komuniti Kampung.
 - (ii) seorang wakil Pegawai Masjid kariah Sekolah;
 - (iii) seorang wakil guru Sekolah Kebangsaan kariah sekolah, sekiranya terdapat keperluan;
- (f) dua orang wakil daripada guru; dan
- (g) empat orang wakil daripada Ibu Bapa.

Pemakluman ahli Jawatankuasa

15. Senarai nama-nama ahli Jawatankuasa yang telah dilantik di dalam mesyuarat agung hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar.

Fungsi Jawatankuasa

16. (1) Fungsi Jawatankuasa secara am ialah mengelola dan mengatur kegiatan Persatuan dan membuat keputusan atas perkara-perkara yang menyentuh perjalanannya, tanpa bercanggah dengan dasar umum yang ditetapkan oleh Mesyuarat Agung Tahunan, Peraturan ini dan Enakmen serta peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Fungsi Ahli Jawatankuasa adalah seperti berikut—

- (a) Pengerusi—
 - (i) menjadi Pengerusi di dalam semua Mesyuarat Persatuan serta bertanggungjawab tentang ketenteraman dan kesempurnaannya;
 - (ii) mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit-minit mesyuarat apabila telah diluluskan;
 - (iii) bertanggungjawab mengawasi pentadbiran Persatuan serta memastikan bahawa peruntukan Peraturan dipatuhi oleh semua ahli Persatuan;
 - (iv) sentiasa mematuhi segala peruntukan Peraturan dalam menjalankan tugas sebagai Pengerusi;
 - (v) boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa pada bila-bila masa yang difikirkan perlu dengan persetujuan Guru Besar atau Pengetua;
 - (vi) menandatangani cek atau penyata pengeluaran wang Persatuan;

-
- (vii) memastikan segala aktiviti dan program Persatuan dilaksanakan dengan sempurna dan teratur;
 - (viii) mendapatkan nasihat mengenai pengurusan Persatuan dari semasa ke semasa daripada Guru Besar atau Pengetua selaku Penasihat Persatuan; dan
 - (ix) menandatangani segala surat dan dokumen rasmi Persatuan.
- (b) Naib Pengerusi—
- (i) bertanggungjawab membantu Pengerusi dalam menjalankan fungsi-fungsi Pengerusi; dan
 - (ii) menjalankan tanggungjawab dan fungsi Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi.
- (c) Setiausaha—
- (i) menjalankan urusan Persatuan mengikut Peraturan-Peraturan Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah-sekolah Rendah Agama 2018;
 - (ii) melaksanakan keputusan-keputusan Mesyuarat Agung Tahunan dan mesyuarat Jawatankuasa;
 - (iii) mencatat, menyedia dan menyimpan minit-minit mesyuarat Jawatankuasa dan Mesyuarat Agung Tahunan;
 - (iv) menyediakan laporan-laporan untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan serta minit-minit yang bersangkutan dengannya;
 - (v) menghantar segala laporan dan aktiviti Persatuan dan minit Mesyuarat Agung Tahunan kepada Penyelaras Pendidikan Agama Daerah, Penolong Pendaftar atau Pendaftar atau mengikut mana yang berkenaan, selepas Mesyuarat Agung Tahunan; dan
 - (vi) menandatangani cek atau penyata pengeluaran wang Persatuan, jika perlu.
- (d) Bendahari—
- (i) bertanggungjawab mengurus dan mengawal hal ehwal kewangan Persatuan dengan menyediakan dan menyimpan kira-kira kewangan yang kemas kini;
 - (ii) penyata kira-kira kewangan (1 Januari hingga 31 Disember) hendaklah disiapkan sebelum 1 Februari tahun berikutnya untuk diaudit;

- (iii) penyata kira-kira yang telah diaudit hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan;
- (iv) satu salinan penyata yang telah diaudit dan diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah dihantar kepada Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Penyelaras Pendidikan Agama Daerah selepas Mesyuarat berkenaan;
- (v) menguruskan perbelanjaan wang Persatuan seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan atau mesyuarat Jawatankuasa;
- (vi) menyimpan wang tunai tidak melebihi sesuatu jumlah yang ditetapkan dalam Peraturan pada sesuatu masa;
- (vii) menerima bagi pihak Persatuan semua derma atau sumbangan daripada mana-mana ahli atau lain-lain sumber dan mengeluarkan resit akaun terima dan kreditkan ke dalam akaun Persatuan pada hari yang sama;
- (viii) menandatangani cek atau penyata pengeluaran wang Persatuan; dan
- (ix) memastikan tiada berlaku terlebih pengeluaran wang dari akaun Persatuan dan akaun sentiasa berbaki kredit.

Pelantikan dan tanggungjawab Juru Audit Dalaman

17. (1) Persatuan hendaklah melantik 2 orang juru audit dalaman dari kalangan ahli Persatuan yang tidak menjadi ahli Jawatankuasa pada mesyuarat Agung Tahunan setiap 2 tahun.

(2) Tanggungjawab juru audit dalaman adalah seperti berikut—

- (a) mengaudit akaun Persatuan pada setiap akhir tahun kewangan;
- (b) menjalankan pengauditan secara berkala seperti mana yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan; dan
- (c) membuat pengesahan terhadap penyata kewangan yang telah diaudit olehnya.

Pelantikan Setiausaha dan Bendahari

18. Jawatan Setiausaha dan Bendahari hendaklah dilantik dikalangan guru sekolah.

Pelantikan wakil kariah

19. Wakil kariah boleh dilantik di kalangan mereka yang tidak hadir semasa Mesyuarat Agung Tahunan atas persetujuannya.

Peranan Guru Besar atau Pengetua sebagai penasihat Persatuan

20. (1) Guru Besar atau Pengetua tidak boleh mejadi ahli Jawatankuasa dan hanya bertindak sebagai penasihat Persatuan.

(2) Fungsi dan peranan Penasihat adalah seperti berikut—

- (a) menghadiri mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Tergempar, tetapi tidak boleh mengundi;
- (b) mewakili pihak Jabatan bagi mengawal dan menasihati Persatuan supaya segala aktiviti, kegiatan dan keputusan yang dibuat dalam mesyuarat-mesyuarat Persatuan tidak bercanggah dengan kepentingan perkhidmatan, dasar-dasar negara dan dasar-dasar mengenai pelajaran dan pendidikan serta hal-hal berkaitan dengan pentadbiran sekolah;
- (c) berhak untuk menghentikan dan menangguhkan Mesyuarat Persatuan jika difikirkan wajar untuk kepentingan ahli Persatuan;
- (d) meluluskan semua agenda mesyuarat dan perkara yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Tergempar dan Mesyuarat Jawatankuasa;
- (e) memberi penjelasan kepada sesuatu isu mengenai pengurusan dan perjalanan Sekolah dan akademik serta isu-isu yang berkaitan dengannya dalam mesyuarat Persatuan;
- (f) memastikan kegiatan Persatuan selaras dengan tujuan dan fungsi Persatuan;
- (g) memastikan sumbangan Persatuan yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan tidak membebankan dan tidak mengandungi sebarang unsur paksaan; dan
- (h) menentukan tetamu kehormat dan para jemputan yang menghadiri majlis anjuran Persatuan dilayan mengikut peraturan dan protokol yang ditetapkan oleh Jabatan.

Pelantikan ahli Jawatankuasa yang bukan ahli Persatuan

21. Pelantikan ahli Jawatankuasa yang bukan ahli Persatuan boleh dilantik tidak lebih daripada seorang setelah mendapat kelulusan bertulis Pendaftar.

Pelantikan ahli Jawatankuasa sekiranya berlaku kekosongan

22. Jika berlaku kekosongan jawatan dalam Jawatankuasa, Pengerusi hendaklah melantik mana-mana ahli Persatuan, berdasarkan undian terbanyak di kalangan ahli Jawatankuasa, untuk mengisi kekosongan jawatan itu.

Pemakluman ahli Jawatankuasa

23. Jawatankuasa hendaklah mengedarkan kepada ahli Persatuan senarai nama dan alamat pemegang jawatan dalam Jawatankuasa pada setiap tahun pemilihan selewat-lewatnya 14 hari selepas tarikh Mesyuarat Agung Tahunan.

Penamatan ahli Jawatankuasa

24. Pelantikan seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik hendaklah tamat—

- (a) sehingga tarikh Mesyuarat Agung pada 2 tahun berikutnya atau sehingga tempoh yang diluluskan oleh pendaftar;
- (b) apabila ahli tersebut meninggal dunia;
- (c) jika ahli tidak ada di Malaysia selama tempoh melebihi enam bulan, tanpa memaklumkan secara bertulis daripada Pengerusi; dan
- (d) tidak hadir mesyuarat tanpa sebab-sebab yang munasabah sebanyak tiga (3) kali mesyuarat berturut-turut.

BAHAGIAN IV**PERATURAN AM MESYUARAT****Tempat mesyuarat**

25. Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah diadakan di tempat yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi setelah berbincang bersama Penasihat.

Waktu mesyuarat

26. Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah dijalankan selain daripada waktu persekolahan.

Kuorum mesyuarat

27. Kuorum mesyuarat yang diadakan oleh Persatuan adalah seperti berikut—

- (a) mesyuarat Agung Tahunan hendaklah tidak kurang daripada dua (2) kali jumlah bilangan ahli Jawatankuasa atau 1/10 daripada jumlah bilangan ahli Persatuan; dan
- (b) mesyuarat Jawatankuasa hendaklah tidak kurang 2/3 daripada jumlah bilangan ahli Jawatankuasa.

Mesyuarat Jawatankuasa

28. Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah mengikut peraturan seperti berikut—

- (a) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga (3) kali dalam tempoh satu tahun persekolahan;
- (b) notis panggilan mesyuarat hendaklah diberikan kepada ahli Jawatankuasa selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat;
- (c) Pengerusi, atau sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli Jawatankuasa, boleh memanggil mesyuarat Jawatankuasa apabila difikirkan perlu dengan persetujuan Penasihat; dan
- (d) setiap ahli Jawatankuasa yang tidak hadir mesyuarat sebanyak dua (2) kali tanpa sebab hendaklah digugurkan keahlian dalam Jawatankuasa secara automatik dan Pengerusi hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada ahli berkenaan sebaik sahaja keputusan itu dibuat.

Mesyuarat Agung Tahunan

29. Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengikut peraturan seperti berikut—

- (a) Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah pada setiap tahun sebelum akhir bulan Mac;
- (b) jika Mesyuarat Agung Tahunan tidak diadakan sebelum akhir bulan Mac, Jawatankuasa hendaklah mengemukakan alasan dan tarikh yang dicadangkan kepada Pendaftar, melalui Guru Besar atau Pengetua, sebelum 31 Mac;
- (c) notis tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan hendaklah diberikan kepada ahli Persatuan selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat;
- (d) sekiranya kuorum untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan tidak mencukupi dalam tempoh 1 jam dari masa yang ditetapkan, Mesyuarat tersebut hendaklah dibatalkan dan Jawatankuasa hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada ahli Persatuan memaklumkan tarikh baru Mesyuarat Agung Tahunan dalam masa 30 hari dari tarikh asal tersebut;
- (e) agenda Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut—
 - (i) ucapan Pengerusi;
 - (ii) membentang dan menerima Minit Mesyuarat Agung Tahunan yang lalu;
 - (iii) membentang dan menerima Laporan Tahunan;

- (iv) membentang, menerima dan meluluskan Penyata Kewangan berakhir 31 Disember tahun sebelumnya;
 - (v) membahaskan usul, jika ada;
 - (vi) pemilihan Jawatankuasa (sekali setiap dua tahun);
 - (vii) pemilihan Juru Audit Dalaman (sekali setiap dua tahun);
 - (viii) ucapan penangguhan; dan
 - (ix) hal-hal lain.
- (f) apa-apa usul bertulis hendaklah disampaikan kepada Jawatankuasa selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan diadakan;
- (g) Jawatankuasa diberi kuasa untuk menapis usul-usul yang dikemukakan sebelum diluluskan untuk perbincangan dalam Mesyuarat Agung Tahunan;
- (h) Mesyuarat Agung Tahunan yang terdapat Pemilihan Jawatankuasa, ahli Persatuan bertanggungjawab memilih pemegang-pemegang jawatan dalam Jawatankuasa serta menimbang lain-lain perkara yang menyentuh kemajuan dan kebajikan Persatuan; dan
- (i) Pemilihan pemegang jawatan hendaklah dibuat seperti berikut—
- (i) ahli yang dicalonkan untuk memegang jawatan dalam Jawatankuasa hendaklah hadir dalam Mesyuarat;
 - (ii) setiap pencalonan hendaklah mempunyai pencadang dan penyokong; dan
 - (iii) pemilihan hendaklah dijalankan secara undian bagi jawatan yang ditandingi. Calon yang mendapat undi terbanyak dipilih menjawat jawatan yang dipertandingkan.

Peraturan Mesyuarat Agung Tergempar

30. Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah mengikut peraturan seperti berikut—

- (a) Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah diadakan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari daripada tarikh keputusan Jawatankuasa atau tarikh penerimaan permintaan ahli Persatuan atau tarikh arahan Pendaftar, mengikut mana yang berkenaan;
- (b) notis bertulis mengenai Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah dikemukakan kepada ahli Persatuan selewat-lewatnya tujuh (7) hari dari tarikh Mesyuarat hendak diadakan;

- (c) urusan Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah dihadkan kepada tujuan Mesyuarat itu diadakan; dan
- (d) Mesyuarat Agung Tergempar boleh diadakan dalam keadaan-keadaan berikut—
 - (i) apabila difikirkan perlu oleh Jawatankuasa;
 - (ii) atas permintaan bertulis sekurang-kurangnya 1/5 daripada jumlah ahli Persatuan; atau
 - (iii) atas arahan Pendaftar.

Laporan Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Tergempar

31. Laporan Mesyuarat Agung Tahunan bersama-sama Penyata Kira-kira Kewangan Persatuan dan Mesyuarat Agung Tergempar hendaklah dihantar kepada Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Penyelaras Pendidikan Agama Daerah, mengikut mana yang berkenaan, dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh Mesyuarat.

BAHAGIAN V

PERATURAN KEWANGAN PERSATUAN

Punca-punca pendapatan Persatuan

32. Punca-punca pendapatan Persatuan adalah terdiri daripada—
- (a) sumbangan ahli Persatuan yang diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan hendaklah mendapat kelulusan Pendaftar atau Penolong Pendaftar;
 - (b) derma dan sumbangan daripada individu, organisasi dan badan-badan lain; dan
 - (c) pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti dan program anjuran Persatuan yang telah mendapat kelulusan Pendaftar atau Penolong Pendaftar.

Pembukaan akaun

33. Jawatankuasa hendaklah membuka satu akaun semasa di mana-mana bank tempatan yang berdaftar atas nama Persatuan.

Tempoh pengkreditan wang diterima

34. Apa-apa wang yang diterima atau diperolehi oleh Persatuan hendaklah dikreditkan ke dalam akaun Persatuan pada hari wang diterima atau diperolehi.

Penyimpanan wang tunai oleh Bendahari

35. Walau apa pun peruntukan ini, Bendahari boleh menyimpan wang tunai yang tidak melebihi RM1,000.00 pada satu-satu masa.

Perbelanjaan wang Persatuan

36. Jawatankuasa diberi kuasa untuk membelanjakan wang Persatuan bagi perkara-perkara yang mendatangkan faedah kepada murid-murid Sekolah yang tidak bercanggah dengan tujuan-tujuan Persatuan.

Kuasa menandatangani cek

37. Segala cek atau kenyataan pengeluaran wang daripada akaun Persatuan hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha bagi apa-apa amaun yang melebihi RM5,000.00 dan cek yang bernilai kurang daripada itu hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi dan Bendahari atau Pengerusi dan Setiausaha.

Penyeleggaran akaun

38. Bendahari dan Pengerusi hendaklah memastikan tiada berlaku terlebih pengeluaran wang dan akaun Persatuan sentiasa berbaki kredit.

Tahun kewangan

39. Tahun kewangan Persatuan bermula pada 1 Januari hingga 31 Disember tahun semasa.

Pembentangan penyata kira-kira kewangan

40. Penyata kira-kira kewangan Persatuan yang telah diaudit hendaklah dibentangkan untuk diterima dan diluluskan oleh ahli Persatuan dalam Mesyuarat Agung Tahunan seterusnya dihantar kepada Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah Agama dan mana-mana pihak yang diberi kuasa di bawah Enakmen.

Pihak berautoriti memeriksa akaun

41. Pendaftar, Penolong Pendaftar, Nazir Sekolah Agama dan mana-mana pihak yang diberi kuasa di bawah Enakmen, adalah dibenarkan memeriksa akaun Persatuan pada bila-bila masa.

Peraturan aset Persatuan

42. Persatuan hendaklah tertakluk kepada peraturan aset yang berikut—

- (a) Persatuan tidak boleh memegang apa-apa aset, sama ada aset alih atau aset tak alih, atas namanya sendiri;
- (b) apa-apa aset yang, sebelum dari tarikh Persatuan ini berkuat kuasa, diletakkan atas nama Persatuan hendaklah dialihkan kepada Kerajaan Negeri Melaka yang diwakili oleh sekolah, sebagai aset yang diamanahkan oleh Persatuan untuk digunakan bagi faedah murid-murid sekolah itu sahaja atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa;
- (c) apa-apa aset alih dan tak alih yang diamanahkan kepada sekolah tidak boleh dipindah milik atau dilupuskan dengan apa cara sekali pun, melainkan dengan persetujuan ahli Persatuan yang diperolehi dalam Mesyuarat Agung Tahunan; dan
- (d) apa-apa aset alih dan tak alih yang telah diamanahkan kepada sekolah hendaklah dilupuskan sekiranya perlu berbuat demikian mengikut cara yang ditetapkan oleh Pendaftar.

BAHAGIAN VI**PINDAAN PERATURAN, BATASAN DAN PEMBUBARAN PERSATUAN****Pindaan peraturan**

43. Cadangan pindaan Peraturan Persatuan hanya boleh dibuat oleh Pendaftar bagi dipanjangkan kepada Majlis untuk kelulusan dan pengesahan.

Kuat kuasa pindaan peraturan

44. Pindaan kepada peraturan Persatuan hanya berkuat kuasa mulai daripada tarikh pindaan diwartakan.

Batasan Persatuan

45. Persatuan adalah tertakluk kepada batasan-batasan berikut—

- (a) kegiatan Persatuan hendaklah diarahkan kepada kebajikan dan kemajuan murid;
- (b) Persatuan boleh dengan kebenaran Guru Besar atau Pengetua menganjurkan aktiviti kurikulum dan kokurikulum di dalam dan luar Sekolah dengan menggunakan tenaga mahir atau pakar dari kalangan ahli Persatuan atau bukan ahli Persatuan bagi tujuan meningkatkan akademik dan perkembangan murid;

- (c) Persatuan tidak boleh memperluaskan bidang kuasanya untuk merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan pengurusan sekolah, guru, kakitangan dan pekerja sekolah dan syarat-syarat perkhidmatan guru dan kakitangan sekolah;
- (d) Persatuan bukanlah suatu entiti undang-undang dan tidak mempunyai keupayaan juridikal untuk membuat kontrak, perjanjian atau memorandum persefahaman, atas namanya sendiri;
- (e) Persatuan tidak boleh menjadi forum atau jentera bagi menyelesaikan sebarang pertikaian antara Persatuan dengan Guru Besar atau Pengetua, Pejabat Penyelaras Pendidikan Agama Daerah, Pejabat Bahagian Pendidikan Jabatan, Jabatan Agama Islam Melaka, Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan; dan
- (f) Persatuan tidak boleh bergabung dengan Persatuan di sekolah- sekolah lain, parti politik, kesatuan sekerja, pertubuhan bukan kerajaan atau lain-lain organisasi, pertubuhan atau Persatuan, sama ada yang ditubuhkan atau berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau tidak.

Kekeliruan dan pertikaian

46. Sebarang kekeliruan atau pertikaian yang timbul daripada Peraturan ini hendaklah dirujuk kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar melalui Guru Besar atau Pengetua.

Pembubaran Persatuan

47. Persatuan hanya boleh dibubarkan dalam keadaan berikut—

- (a) atas arahan bertulis daripada Pendaftar; atau
- (b) sekolah berhenti beroperasi.

Pemulangan sijil pendaftaran

48. Guru Besar atau Pengetua hendaklah memulangkan Sijil Pendaftaran Persatuan kepada Pendaftar apabila Persatuan dibubarkan.

Kuasa majlis

49. Majlis boleh mengecualikan mana-mana Persatuan daripada kehendak mana-mana bahagian di bawah Peraturan ini.

BORANG 1

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU)
NEGERI MELAKA 2020

(Peraturan 7)

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN
PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU SEKOLAH-SEKOLAH
AGAMA ISLAM JAIMNama sekolah & Alamat : _____

No. Tel. Sekolah : _____

Tarikh : _____ Tandatangan Guru Besar/Penasihat Persatuan

Cop :**A. Sokongan :**

Telah disemak dan saya sokong/tidak sokong senarai nama di atas.

Tarikh : _____ Tandatangan Penyelaras Pendidikan Agama Daerah:

Cop :**B. Perakuan :**

Diluluskan/Tidak diluluskan.

Tarikh : _____ Tandatangan Pendaftar:

Cop :

Catatan:

BORANG 2

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU)
NEGERI MELAKA 2020

(Peraturan 8)

PERAKUAN PENDAFTARAN

Adalah diperakui bahawa Persatuan Ibu Bapa Dan Guru Sekolah-sekolah
Agama Islam JAIM

.....
(Nama Sekolah)

telah didaftarkan di bawah kuasa Pendaftar sebagaimana berikut:

- (a) No. Pendaftaran :
- (b) Didaftarkan pada : hari bulantahun.....
- (c) Tarikh Kuat kuasa : hari bulantahun.....

Perakuan Pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) Sekolah Rendah Agama tersebut hendaklah pada setiap masa diuruskan dan diselenggarakan mengikut Peraturan-Peraturan Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama Islam (Persatuan Ibu Bapa Dan Guru) Negeri Melaka 2019 dan selari dengan keperluan menurut Enakmen Pengawalan Sekolah-sekolah Agama Islam (Melaka) 2002 dan peraturan-peraturan lain yang dibuat di bawah Enakmen itu.
- (b) Hendaklah pada setiap masa mematuhi arahan-arahan daripada Majlis Agama Islam Melaka, Jabatan Agama Islam Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka.

Tarikh : _____

Tandatangan Pendaftar : _____

Cop:

BORANG 3

PERATURAN-PERATURAN PENGAWALAN SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM
(PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU)
NEGERI MELAKA 2020

[Subperaturan 9(c)]

BORANG PERMOHONAN
MENJADI AHLI PERSATUAN IBUBAPA DAN GURU SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA
ISLAM JAIM BAGI WARGANEGARA MALAYSIA YANG TIDAK MEMPUNYAI ANAK
DI SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA ISLAM JAIM

Kepada:
Pendaftar
Sekolah Agama Islam Melaka

Tuan,

Permohonan Menjadi Ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah-sekolah Agama Islam JAIM

Sayamemohon menjadi ahli Persatuan Ibu Bapa dan Guru bagi
Sekolah Agama JAIM.....
untuk tahun

Butiran Diri Pemohon:

1. Nama Pemohon :
3. No. Kad Pengenalan :
5. Alamat Pejabat :
.....
6. Alamat Rumah :
.....
7. Telefon Pejabat : 8. Telefon Rumah :
9. Pekerjaan :
10. Nama dan Alamat Majikan :
.....
11. Tarikh Akhir Menjadi Ahli Persatuan ini :
12. Jawatan Dalam Persatuan Semasa Menjadi Ahli Persatuan ini:
13. Alasan Memohon Menjadi Ahli Persatuan:.....

Yang Benar,

.....
Tandatangan Pemohon

Tarikh:

ULASAN PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU SEKOLAH-SEKOLAH AGAMA JAIM
(SILA KEPILKAN MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA PIBG)

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa PIBG Bil.pada - Disokong/Tidak Disokong.

Ulasan:

Tandatangan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru :

Nama:

Jawatan: Tarikh:

KELULUSAN PENDAFTAR

Diluluskan/Tidak Diluluskan

Ulasan:

Tandatangan Pendaftar :

Nama:

Cop Rasmi: Tarikh:

KELULUSAN PENDAFTAR

Diluluskan/Tidak Diluluskan

Ulasan:

Tarikh:

Nama:

Cop Rasmi:

Bertarikh 24 Jun 2020
[JAIM 6/224/7/2 Klt. 4;
PUNM.700-02/64]

DATUK SULAIMAN BIN MD ALI
Pengerusi
Majlis Agama Islam Melaka

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS
(MALACCA) ENACTMENT 2002

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS (ASSOCIATION OF
PARENTS AND TEACHERS) STATE OF MALACCA
REGULATIONS 2020

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

PART I

PRELIMINARY

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Application

PART II

ESTABLISHMENT OF ASSOCIATION

4. Establishment of Association
5. Purpose of Association
6. Function of Association
7. Procedure on registration
8. Certificate of registration
9. Members of Association
10. Limitation on the number of members of Association other than Parents and Teachers

PART III

ESTABLISHMENT OF COMMITTEE

11. Establishment of Committee
12. Appointment of members of Committee
13. Basis of appointment
14. Membership of Committee
15. Notification of members of Committee

Regulation

16. Function of Committee
17. Function of other offices
18. Appointment of Secretary and Treasurer
19. Appointment of representative of *kariah*
20. Role of Headmaster or Principal as Advisor of Association
21. Appointment of members of Committee who is not members of Association
22. Appointment of member of Committee if there is vacancy
23. Notification of members of Committee
24. Termination of members of Committee

PART IV

GENERAL RULES ON MEETING

25. Place of meeting
26. Time of meeting
27. Quorum of meeting
28. Meeting of Committee
29. Annual General Meeting
30. Emergency General Meeting
31. Report of Annual General Meeting and Emergency General Meeting

PART V

FINANCIAL RULES OF ASSOCIATION

32. Sources of revenue
33. Opening of account
34. Term for crediting money received
35. Keeping of cash money by Treasurer
36. Expenditure of Association
37. Power to sign cheque
38. Maintenance of account
39. Financial year
40. Tabling of Financial Statement
41. Authorities to inspect account
42. Rules on asset of Association

PART VI

AMENDMENT OF REGULATION, LIMITATION DAN DISSOLUTION OF ASSOCIATION

Regulation

- 43. Amendment of Regulations
- 44. Commencement of amended Regulations
- 45. Limitation of Association
- 46. Confusion and dispute
- 47. Dissolution of Association
- 48. Return of Certificate of Registration
- 49. Power of the *Majlis*

LIST OF FORM

FORM 1

FORM 2

FORM 3

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS (MALACCA)
ENACTMENT 2002

CONTROL OF ISLAMIC RELIGIOUS SCHOOLS (ASSOCIATION OF PARENTS AND
TEACHERS) STATE OF MALACCA 2020 REGULATIONS

